

RAKYAT BERHAK KONGSI KEKAYAA

Oleh Othman Mamat dan Zainudin Isa

LANGKAWI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, peluang dan kekayaan yang dinikmati daripada pembangunan harus diagihkan sama rata kepada semua rakyat kerana setiap orang memberi sumbangan untuk membiayainya.

Perdana Menteri berkata, rakyat berhak berkongsi manfaat daripada pembangunan yang dilaksanakan kerajaan kerana ia dilaksanakan dengan menggunakan wang menerusi bayaran cukai.

Sebagai contoh, beliau berkata, wang yang banyak digunakan untuk melaksanakan projek pembangunan di Langkawi sehingga membolehkan pulau ini muncul sebagai kawasan yang paling pesat membangun.

"Kita harus mengagihkan peluang dan kekayaan kepada semua rakyat yang turut berhak kerana wang yang banyak dibelanjakan di Langkawi datang dari cukai dan (bayaran) lain yang dipungut dan dibelanjakan oleh kerajaan di sini.

"Kita memungut (cukai) dari seluruh Malaysia dan ketika memungutnya, kita tidak bertanya dari mana mereka (rakyat) datang dan apakah kita akan membelanjakan (wang yang dikutip itu) di tempat mereka saja," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan projek pembangunan Port Langkasuka di Pantai Kuala Muda, Mukim Padang Matsirat di sini, semalam.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman

Aroff, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid.

Projek berharga lebih RM1 bilion itu membabitkan pembangunan tebus guna tanah seluas kira-kira 1,000 hektar di pesisiran pantai yang meliputi pembinaan hotel, rumah di atas air, padang golf, marina dan kompleks perniagaan.

Projek perkampungan marina itu yang dijangka siap dalam tempoh lima tahun mengandungi 6,000 rumah di atas air beserta 6,000 tempat bot kecil berlabuh yang akan dijual kepada rakyat tempatan dan asing.

Dr Mahathir berkata, selain tidak mempersoalkan kegunaan wang yang dikutip oleh kerajaan, rakyat tidak pernah bertanya sama ada cukai yang dibayar itu akan dibelanjakan di tempat masing-masing.

"Kita membelanjakan banyak (wang yang dikutip melalui cukai) di Langkawi.

Jadi nikmatnya patut dirasakan oleh semua pihak di negara ini," katanya.

Beliau berkata, sejak Langkawi diisytiharkan sebagai pulau bebas cukai, kerajaan membelanjakan kira-kira RM1 bilion untuk menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur.

Bagaimanapun, katanya kerajaan berpuas hati walaupun terpaksa membelanjakan wang yang banyak kerana hasilnya jelas kelihatan apabila dalam jangka masa yang singkat, jumlah pelancong ke pulau itu meningkat daripada 20,000 setahun kepada lebih sejuta orang sekarang.